



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PROGRAM NUR RAMADAN 2014/1435H MENGIMARAHKAN SUASANA RAMADAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

LABUAN, 4 Julai 2014 – Kementerian Wilayah Persekutuan menganjurkan Program Nur Ramadan Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan bagi tahun 2014 /1435H di Masjid Jamek Al-Mahmudiyyah, Kampung Lajau. Program ini dihadiri oleh YB. Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan dan YBhg. Datin Seri Anggraini Sentiyaki.

2. Program Nur Ramadan ini merupakan program rasmi tahunan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dalam usaha mengeratkan silaturrahim antara pihak KWP dan Perbadanan Labuan (PL) dengan warga Wilayah Persekutuan Labuan. Program ini merupakan satu aktiviti tanggungjawab sosial masyarakat oleh KWP dan PL yang akan dapat melahirkan dan menerapkan nilai rasa kasih sayang dikalangan warga Wilayah Persekutuan Labuan khususnya kepada golongan yang kurang berkemampuan. Ini seterusnya akan dapat mewujudkan masyarakat Wilayah Persekutuan yang harmoni, prihatin, maju dan sejahtera.

3. Di samping mengerjakan solat maghrib, solat isya' dan solat tarawih berjemaah, sumbangan wang tunai dan sumbangan barangan keperluan asas turut diberikan kepada fakir miskin, anak-anak yatim, ibu tunggal, OKU, warga emas dan golongan yg memerlukan seramai 500 orang. Pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Yayasan Wilayah Persekutuan turut bersama-sama memberikan sumbangan wang tunai kepada penerima sumbangan Nur Ramadan pada tahun ini.

4. Adalah diharapkan melalui penganjuran program Nur Ramadan pada kali ini akan memberi impak yang besar dalam penglibatan rakyat secara umum serta memberi peluang kepada mereka untuk menyertai setiap aktiviti dan program yang dianjurkan bagi memeriahkan suasana Ramadan di Wilayah Persekutuan Labuan. Melalui aktiviti-aktiviti tersebut diharap dapat merangsang seluruh warga Wilayah Persekutuan agar dapat seiringan dengan Kerajaan dan bersama-sama memajukan dan memakmurkan bumi Wilayah Persekutuan yang tercinta.

Disediakan oleh:

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
LABUAN**

4 Julai 2014